

Perlantikan pegawai2 MCA

MAHATHIR

TIDAK

9 JUN 1985

TERLIBAT

KUALA LUMPUR 8 Jun - Perdana Menteri Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad tidak terlibat dalam perlantikan pegawai MCA sama ada di peringkat pusat mahupun negeri, kata Setiausaha politiknya, Encik Mohd. Noor Azam hari ini.

Beliau berkata bahawa Datuk Sri Dr. Mahathir juga tidak pernah memberi restunya kepada sesuatu perlantikan dalam MCA.

Apa-apa perlantikan dalam parti itu adalah hak parti itu sendiri dan bergantung kepada keputusan parti tanpa campurtangan Perdana Menteri, katanya.

Encik Mohd. Noor membuat penjelasan itu bagi pihak Perdana Menteri kerana ada laporan yang melibatkannya dalam krisis MCA.

Beberapa kenyataan difahamkan telah dikeluarkan oleh golongan-golongan tertentu dalam MCA yang mendakwa bahawa Datuk Sri Dr. Mahathir telah merestui perlantikan Setiausaha Agung MCA, Datuk Dr. Tan Tiong Hong sebagai pengerusi baru Badan Perhubungan MCA Kedah.

Krisis dalam MCA Kedah bermula apabila Datuk Dr. Tan dilantik sebagai Pengerusi Ba-

dan Perhubungan MCA negeri itu pada 21 Mei menggantikan Datuk Oo Gin Sun yang sedang berubat di seberang laut.

Beberapa kalangan dalam MCA Kedah, terutama yang menyokong kumpulan Encik Tan Koon Swan, tidak mengiktiraf perlantikan itu dan sebaliknya terus mengiktiraf Datuk Oo sebagai pemimpin mereka.

Datuk Dr. Tan kemudian menjelaskan beliau menyandang jawatan Pengerusi Perhubungan MCA Kedah hanyalah untuk sementara waktu dan sebagai usaha untuk menyelesaikan isu perlantikan senator di negeri itu.

Satu kumpulan penentang yang diketuai oleh Naib Pengerusi Perhubungan MCA Negeri, Encik Bee Yang Sek pernah dilaporkan akan menghantar rombongan untuk menemui Perdana Menteri mengenai perkara itu.

Dalam perkembangan terbaru, para penyokong Datuk Oo dalam perjumpaan tergepar pada 3 Jun meluluskan dua usul termasuk menghantar rombongan menemui Perdana Menteri bagi mendapatkan pengesahan Datuk Sri Dr. Mahathir sama ada benar beliau telah merestui perlantikan Datuk Dr. Tan.